

**Bukan luar biasa jika Najib dihadap ke mahkamah, kata wartawan veteran**  
**The Malaysian Insider**  
**July 8, 2015**

Tidak mengejutkan sekiranya Datuk Seri Najib Razak dihadapkan ke mahkamah, walaupun belum pernah ada perdana menteri dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan jenayah, kata bekas wartawan Datuk A. Kadir Jasin.

Menulis di laman blog miliknya The Scribe, Kadir berkata, sejak dahulu, sudah ramai pemimpin politik yang dihadapkan ke mahkamah atas pelbagai kesalahan rasuah, salah guna kuasa, dan pecah amanah.

"Jadi kemungkinan Najib dihadapkan ke mahkamah bukanlah sesuatu yang luar biasa. Cuma belum ada perdana menteri yang diseret ke mahkamah atas tuduhan jenayah sebelum ini.

"Sesiapa yang mengetahui sejarah atau tidak lupa sejarah tentu tahu bahawa sudah ramai orang politik dituduh di mahkamah kerana rasuah, salah guna kuasa dan pecah amanah. Ada yang didapati bersalah dan ada yang tidak," katanya.

Kadir berkata, kemungkinan Najib dikenakan tindakan undang-undang juga semakin jelas apabila The Wall Street Journal (WSJ) melaporkan beliau menerima aliran wang sebanyak RM2.67 bilion sebelum ini.

"Tetapi ramai terkejut dan berasa tidak masuk akal apabila timbul cakap-cakap dan ramalan Najib mungkin menghadapi tindakan undang-undang.

"Kemungkinan ini menjadi semakin jelas apabila dakwaan akhbar The Wall Street Journal (WSJ), beliau pernah mempunyai simpanan RM2.67 bilion tidak dinafikan, sama ada oleh beliau sendiri atau oleh bank yang dinamakan, iaitu AmBank Berhad," kata Kadir.

"Sama ada akaun berkenaan masih cergas, tidak aktif atau sudah ditutup bukan isunya. Persoalannya ialah Najib pernah ada RM2.67 bilion dalam akaun itu."

Kadir berkata, melalui penafian di Facebook, Najib tidak pernah mengatakan beliau bukan pemilik akaun bank tersebut.

"Biar saya katakan dengan jelas. Saya tidak pernah ambil tabungan untuk kegunaan peribadi seperti yang didakwa musuh politik saya – sama ada daripada 1MDB, SRC International atau pihak lain seperti yang disahkan syarikat ini," kata Najib dalam penafiannya, yang dipetik Kadir.

"Sampai hari ini beliau tidak menafikan akaun atas nama beliau dengan simpanan RM2.67 bilion itu pernah wujud, tetapi ditutup tidak lama selepas pilihan raya umum 2013," kata Kadir.

Beliau berkata, sekiranya tiada akaun berkenaan, Najib boleh terus membuat penafian, atau AmBank boleh mengemukakan penafian akaun bank dengan nama Najib tidak wujud.

"Kalau akaun itu tidak wujud, apa susahnya beliau sekali gus menafikannya atau AmBank menafikan yang akaun atas nama Najib itu tidak pernah wujud.

"Tetapi yang lebih utama bukan kewujudan akaun itu tetapi dari mana datangnya dana RM2.67 bilion itu dan apa kegunaannya," kata Kadir.

Kadir berkata, Najib dan peguamnya bagaimanapun mengambil tindakan menulis surat kepada WSJ dan meminta akhbar tersebut menyatakan sama ada mereka mempertahankan laporan tersebut atau tidak.

"Sebaliknya beliau dan penyokongnya membuat laporan polis terhadap WSJ dan peguam beliau mengutus emel kepada penerbit WSJ di New York 'meminta akhbar itu mengesahkan sama ada ia mempertahankan laporan itu atau tidak' dalam masa 14 hari.

"Ia dilihat sebagai langkah melengah-lengahkan kerana WSJ sudah pun secara terbuka berkata ia mempertahankan dakwaan terhadap Najib itu," kata Kadir. – 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bukan-luar-biasa-jika-najib-di-hadap-ke-mahkamah-kata-wartawan-veteran>